



Mohd Farid bersama model apartmen Nadayu62@Melawati.

Apartmen siap 2017

Kuala Lumpur: Nadayu Properties Berhad akan melancarkan projek terbarunya, Nadayu62@Melawati yang mencatatkan nilai pembangunan kasar (GDV) mencecah RM91 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Farid Nawawi berkata, projek berkenaan yang juga pembangunan kediaman kedua selepas Nadayu@Melawati menawarkan 182 unit apartmen yang dilengkapi beberapa

perabot asas.

"Nadayu62@Melawati ini dijangka siap sepenuhnya menjelang 2017 dan berbeza dengan kediaman jenis apartmen yang ditawarkan pemaju lain, projek kelolaan Nadayu bukan hanya memberikan pembeli kediaman untuk diduduki, sebaliknya kami turut melengkapkan unit berkenaan dengan perabot asas," katanya kepada Bisnes Metro, di sini, kelmarin.